



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERSEPSI PELAJAR CINA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
TERHADAP GERAKAN POLITIK UMNO**

**MOHD RIDHUAN TEE BIN ABDULLAH**

**FEM 2008 2**

**PERSEPSI PELAJAR CINA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
TERHADAP GERAKAN POLITIK UMNO**

**Oleh**

**MOHD RIDHUAN TEE BIN ABDULLAH**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2008**



## **DEDIKASI**

Sesungguh ilmu dikurniakan kepada kita oleh Allah SWT di dunia ini amat luas ibarat air lautan yang tidak bertepi. Apa yang ada pada kita mungkin hanya setitis dua sahaja. Bermakna, proses pembelajaran tidak pernah ada noktah dan berakhir.

Maka dengan penuh tawaduk, saya dedikasikan penyelidikan ini kepada pencinta-pencinta ilmu politik, ilmuan Islam dan rakyat Malaysia, yang sentiasa berlapang dada dan bersikap terbuka, setiap kali membacanya tanpa dipengaruhi oleh emosi, sentimen, latar belakang politik dan warna kulit. Segala yang baik datang daripada Allah SWT, manakala jika ada kelemahan dan kekurangan, itu adalah datang daripada diri saya sendiri, dengan izin dan kehendakNya juga.

Saya abadikan juga buat anak-anakku, Qarafi, Syafi, Nazafee, Arifee dan Nur Izza Tee. Kalian semua mampu untuk melakukan lebih baik daripada apa yang telah papamu lakukan setakat ini.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

## **PERSEPSI PELAJAR CINA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP GERAKAN POLITIK UMNO**

Oleh

**MOHD RIDHUAN TEE BIN ABDULLAH**

**Julai 2008**

**Pengerusi : Profesor Jayum Anak Jawan, PhD**

**Fakulti : Ekologi Manusia**

Isu-isu perkauman sering menghantui usaha-usaha untuk mencapai matlamat perpaduan nasional di negara ini, terutama antara dua kaum utama, Melayu dengan Cina. Kedua-dua kaum ini seringkali memperlihatkan hubungan turun naik. Berlaku pertikaman lidah, saling tuntut-menuntut dan tuduh-menuduh, sehingga kadangkala menimbulkan suasana yang agak tegang. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 adalah kemuncak ketegangan ini dan telah meninggalkan impak yang amat menakutkan dalam menilai hubungan antara kaum. Semua ini berlaku akibat daripada persepsi negatif yang wujud antara satu sama lain. Persepsi wujud disebabkan oleh sosialisasi politik yang dilalui oleh setiap individu. Pengaruh agen-agen sosialisasi politik yang bersifat perkauman seperti sejarah, keluarga, institusi pendidikan, media, pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti politik, begitu kuat meningkatkan persepsi negatif yang sedia ada, sehingga menjadi pegangan hidup atau budaya politik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi pelajar Cina di Institusi Pengajian Tinggi terhadap gerakan politik UMNO yang melibatkan lapan fokus utama iaitu Politik (P), Ekonomi (E), Rasuah (R), Sosial (S), Etnisiti (E), Pendidikan (P), Kontrak Sosial (S) dan Islam (I) atau singkatannya, **P-E-R-S-E-P-S-I**. Bagi mengukur tahap persepsi ini terhadap faktor P-E-R-S-E-P-S-I, pengkaji menggunakan pendekatan

kuantitatif dan kualitatif, dengan menjadikan pelajar-pelajar Cina yang berada di IPTA dan IPTS sebagai sampel kajian secara perbandingan. Kaedah kuantitatif yang digunakan melibatkan statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan inferensi (ujian kesamaan varians, ujian-*t*, ANOVA dan *Eta-Squared*). Manakala kaedah kualitatif pula tertumpu kepada temubual dengan beberapa tokoh dan pandangan bertulis yang diperolehi melalui soal selidik. Semua dapatan ini digabungkan dengan menggunakan kaedah triangulasi. Skala interpretasi persepsi berasaskan kepada tiga tahap iaitu kurang *kiasu* (kk), sederhana *kiasu* (sk) dan ultra *kiasu* (uk). Hasil dapatan keseluruhan kuantitatif memperlihatkan persepsi pelajar Cina berada pada tahap sederhana *kiasu*, di samping beberapa dapatan ultra *kiasu* yang agak ketara, berbanding dapatan kurang *kiasu*. Manakala, dapatan kualitatif berada pada tahap ultra *kiasu*. Setelah ditriangulasikan kedua-dua dapatan ini dengan mengambil kira dapatan ultra *kiasu* (kuantitatif), ternyata bahawa tahap persepsi pelajar Cina terhadap faktor P-E-R-S-E-P-S-I dalam gerakan politik UMNO berada pada tahap ultra *kiasu*. Pendek kata, pelajar Cina di IPTA dan IPTS mempunyai persepsi sama iaitu pada tahap ultra *kiasu* dalam menilai segala hak-hak istimewa yang diperolehi UMNO sebagaimana yang telah dipersetujui bersama dalam kontrak sosial. Majoriti mereka melihat kelebihan dan keistimewaan Melayu UMNO sebagai satu diskriminasi, ketidakadilan, penganiayaan, penindasan serta memingkirkan orang Cina. Mereka menuntut kesamaan dan kesamarataan dalam semua bidang tanpa memperdulikan kontrak sosial. Walau bagaimanapun, pelajar Cina tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya jika mempunyai persepsi ultra *kiasu* ini. Dalam kata lain, gerakan politik UMNO dalam P-E-R-S-E-P-S-I turut membantu kepada wujudnya tahap persepsi ultra *kiasu* ini. Kajian ini amat menarik bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan input-input politik silang budaya antara Melayu – Cina.

Abstract of the thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **THE CHINESE STUDENTS' PERCEPTION AT THE HIGHER LEARNING INSTITUTION TOWARDS UMNO'S POLITICAL MOVEMENT**

By

**MOHD RIDHUAN TEE BIN ABDULLAH**

**July 2008**

**Chairman : Professor Jayum Anak Jawan, PhD**

**Faculty : Human Ecology**

Polarization issues often haunted the efforts to gain national unity in this country, especially between the two cardinal races i.e Malay and Chinese. Both races frequently showed up and down relationship. Tongue lashings, accusations often leads to strain atmosphere. It leaves a deep mark in inter racial relationship. The incident of 13th May 1969 was the apex of the strain relationship and has left dreadful impact in evaluating racial relationship. The entire incident started from negative perception between each other. Perception was born out of political socialization of every individual. The influence of political socialization agents that is racist in nature like the history, family, educational institution, mass media, non governmental organization and political parties, substantially raising the existing negative perception until it becomes their political culture. This research looks into the perception of Chinese students at the higher learning institutions towards UMNO's political movement. UMNO's political movement involves several main issues like **Politic (P)**, **Economy (E)**, **Corruption/Rasuah (R)**, **Social (S)**, **Ethnicity (E)**, **Education/Pendidikan (P)**, **Social Contract (S)** and **Islam (I) = P-E-R-S-E-P-S-I**. To measure the perception towards P-E-R-S-E-P-S-I factor, the researcher had used quantitative and qualitative approach, whilst using



Chinese students in the government and private universities as research samples. Quantitative methods used involved descriptive statistic (mean and standard deviation) and inference (Test for Equality of Variances, t-test, ANOVA and Eta-Squared). While qualitative methods were focused on interviews with a few figures and written views (open-ended) gathered from questionnaires. The results were combined using triangulation methods. The scale used in interpreting perception is based on three levels namely, less *kiasu* (kk = positive), moderate *kiasu* (sk = moderate) and ultra *kiasu* (uk = negative). The whole quantitative result shows that Chinese students' perception is at moderate *kiasu* (sk), while there are results that show some obvious ultra *kiasu* (uk) compared to less *kiasu* (kk). On the other hand, the findings from qualitative surveys show ultra *kiasu* level. Once both findings were triangulated whilst considering results of ultra *kiasu* (quantitative), obviously Chinese students' level of perception towards P-E-R-S-E-P-S-I factor within UMNO's political movement is at ultra *kiasu*. Shortly, Chinese students in government and private universities have identical perception which is at ultra *kiasu* (uk) level in evaluating the special privileges gained by UMNO (Malays) as agreed in the social contract. Majority of them perceive at the special privileges and rights of Malay UMNO as discrimination, injustice, ill-treatment, oppression and marginalizing the Chinese. They demand equality in all aspects irrespective the social contract. Nevertheless, Chinese students cannot be blamed totally because UMNO's political movement within P-E-R-S-E-P-S-I contributed to the existence of this perception. This research is appealing to those who are interested to gain cross cultural political input between Malay – Chinese.

## PENGHARGAAN

Saya dengan rendah diri merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian yang amat bermakna ini.

Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada jawatankuasa penyeliaan yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Jayum A. Jawan bersama-sama Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad dan Dr. Sarjit Singh, di atas segala tunjukajar, bimbingan dan nasihat sehingga kajian ini dapat disiapkan. Tanpa mereka, siapalah saya.

Tidak ketinggalan kepada mereka yang telah memberikan pertolongan dalam memberikan khidmat pakar serta memberikan pandangan dan sanggup meluangkan masa untuk berbincang dengan saya. Mereka yang saya maksudkan ialah Prof. Madya Dr. Supyan Husin (UKM), yang sanggup meluangkan masa meneliti kandungan pernyataan soal selidik, membaca draf akhir dan memberikan pandangan yang amat berguna. Tidak dilupakan kepada Dr. Nobaya Ahmad (UPM), Dr. Rozmi Ismail (UKM), Dr. Ab. Halim Tamuri (UKM), Prof. Madya Dr. Mohd Agus Yusof (UKM), Dr. Foad Sakdan (UUM), Puan Maria Chong Abdullah (UPM) dan Saudara Safrimen (calon Ph.D, UKM) yang banyak membantu saya.

Saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada semua responden yang telah meluangkan masa mengisi borang soal selidik dan sanggup ditemubual, terutama kepada Datuk Ir. Ong Tee Keat, Dr. Kua Kia Soong, Lee Boon Kok dan Dato' Haji Mustapa Ma. Tidak lupa juga kepada IPTA dan IPTS yang menjadi subjek kajian, UKM, UPM, UTAR dan Kolej New Era, termasuk penggunaan perpustakaannya.

Penghargaan paling istimewa kepada insan yang amat berjasa dalam membesar saya dan mengajar saya memahami hakikat dunia sebenar, bonda Poo Me Wa. Iringan doa untuk arwah bapa yang tidak sempat melihat kejayaan ini. Tidak dilupakan buat insan tersayang yang sentiasa berada di sampingku ketika susah dan senang, isteri tercinta, Norisah Akbar dan anak-anak jantung hatiku, Qarafi, Syafi, Nazafee, Arifee dan Nur Izza Tee, dengan pesanan, "*Tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri China*". Kewajipan menuntut ilmu tiada noktahnya. Terima kasih kerana amat memahami perjuangan dan aspirasiku. Tidak dilupakan kepada adik-beradik saya, Tee Kim Hian, Tee Tiam Hock, Tee Keam Eng, Tee Ah Kim, Tee Keam Ing, Tee Chuan Lai, Tee Chuan Chai dan Burhan Tee, beserta semua keluarga mereka. Sentiasa diingati, arwah abang Tee Ah Tiam yang telah pergi terlebih dahulu, meninggalkan anak-anaknya yang sebahagiannya telah memeluk Islam. Akhir kata, kepada rakan seperjuangan, Wan Nasruddin (UIA), Aziz Muhammad (Angkasa), Azhar (IKIP) dan lain-lain yang tidak sempat dinukilkan, semoga Allah SWT memberkati kalian.

Kepada semua yang berjasa, kenang daku dalam doamu. Semoga segala sokongan dan bakti yang dicurahkan akan mendapat ganjaran yang sewajarnya daripada Allah SWT

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada **11 Julai 2008** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Mohd Ridhuan Tee Abdullah** untuk menilai tesis **Ijazah Doktor Falsafah** beliau yang bertajuk "**Persepsi Pelajar Cina Di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Gerakan Politik Umno**" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

**Dr. Nobaya Ahmad, PhD**

Pensyarah

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zahid Emby, PhD**

Pensyarah

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Jegak Anak Uli, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Dr. Mohd. Agus Yusof, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD GHAZALI, Ph.D**

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 26 Ogos 2008

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk **Ijazah Doktor Falsafah**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Jayum Anak Jawan, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaid Ahmad, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD**

Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 11 September 2008



## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**MOHD RIDHUAN TEE ABDULLAH**  
GS 15559

Tarikh : 11 Julai 2008

## JADUAL KANDUNGAN

Halaman

<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>KELULUSAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI GLOSARI</b>	xix

## **BAB**

### **I PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	17
1.5.1 Objektif Umum	17
1.5.2 Objektif Khusus	18
1.6. Definisi Konsep	18
1.6.1 Persepsi	18
1.6.2 Pelajar Cina	20
1.6.3 Gerakan Politik	22
1.6.4. P-E-R-S-E-P-S-I	24
(a) P = Politik	25
(b) E = Ekonomi	25
(c) R = Rasuah	26
(d) S = Sosial	26
(e) E = Etnisiti	27
(f) P = Pendidikan	27
(g) S = Kontrak Sosial	28
(h) I = Islam	28
1.7 Kerangka Konseptual	29
1.8 Organisasi Kajian	31
1.9 Batasan Kajian	32
1.10 Masalah Kajian	34
1.11 Signifikan Kajian	37
1.12 Rumusan	39



<b>2</b>	<b>TINJAUAN KAJIAN LALU</b>	
2.1	Pengenalan	40
2.2	Kategori Orang Cina	42
2.3	Isu Fokus Politik Perkauman Melayu – Cina	45
2.3.1	P = Politik	48
2.3.2	E = Ekonomi	61
2.3.3	R = Rasuah	69
2.3.4	S = Sosial	74
2.3.5	E = Etnisiti	82
2.3.6	P = Pendidikan	89
2.3.7	S = Kontrak Sosial	94
2.3.8	I = Islam	101
2.4	Rumusan	111
<b>3</b>	<b>SOSIALISASI POLITIK CINA</b>	
3.1	Pengenalan	113
3.2	Sosialisasi Politik Cina	114
3.3	Peranan Agen-Agen Sosialisasi Politik Cina	122
3.3.1	Sejarah Cina	123
3.3.2	Keluarga dan Institusi Pendidikan Cina	129
3.3.3	Media Cina	144
3.3.4	Persatuan Cina Malaysia – <i>Huatuan</i>	152
3.3.5	Parti-Parti Politik Cina	157
(a)	Malayan Chinese Association (MCA)	159
(b)	Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan)	162
(c)	Parti Tindakan Demokrat (DAP)	164
3.4	Implikasi Sosialisasi Politik Cina Terhadap Hubungan Kaum	166
3.5	Rumusan	175
<b>4</b>	<b>METODOLOGI</b>	
4.1	Pengenalan	177
4.2	Reka Bentuk	177
4.3	Kaedah Kuantitatif	179
4.4	Kaedah Kualitatif	180
4.5	Pengukuhan Data atau Triangulasi (Triangulation)	184
4.6	Populasi dan Persampelan	187
4.6.1	Penetapan Saiz Sampel	188
4.6.2	Prosedur Persampelan Berdasarkan <i>G*Power</i>	190
4.6.3	Saiz Berdasarkan <i>G*Power</i>	191
4.6.4	Kaedah Persampelan	192
4.7	Pengukuran Tahap	194
4.7.1	Bentuk Skala dan Alat Pengukuran	194
4.7.2	Pembentukan Instrumen Skala Likert	195
4.7.3	Kebolehpercayaan Instrumen	197
4.7.4	Kajian Rintis Kualitatif	199
4.8	Kesahan Konstruk Instrumen	201

4.9	Penganalisaan Data	203
4.9.1	Analisa Deskriptif	203
4.9.2	Analisa Inferensi	204
4.9.3	Analisa Penerokaan Data	206
4.10	Rumusan	209
<b>5</b>	<b>DAPATAN</b>	
5.1	Pengenalan	210
5.2	Profil Responden	210
5.2.1	Sosialisasi Politik: Latar Belakang Responden	211
5.2.2	Sosialisasi Politik: Pendidikan Responden	212
5.2.3	Sosialisasi Politik: Persekutaran dan Pergaulan	215
5.2.4	Sosialisasi Politik: Pengaruh Media	217
5.3.	Perbandingan Persepsi	220
5.3.1	Persepsi Pelajar Cina Terhadap Gerakan Politik UMNO	222
(a)	P = Politik	224
(b)	E = Ekonomi	225
(c)	R = Rasuah	226
(c)	S = Sosial	227
(d)	E = Etnisiti	228
(e)	P = Pendidikan	229
(f)	S = Kontrak Sosial	230
(g)	I = Persepsi Islam	231
5.3.2	Persepsi Berdasarkan Agama	232
5.3.3	Persepsi Berdasarkan Status Perkahwinan	234
5.3.4	Persepsi Berdasarkan Latarbelakang Pendidikan Rendah	235
5.3.5	Persepsi Berdasarkan NGO Cina Yang Sertai	237
5.3.6	Persepsi Berdasarkan Parti Politik yang Disertai	238
5.3.7	Persepsi Berdasarkan Generasi	242
5.3.8	Persepsi Berdasarkan Bahasa Harian yang Selalu Digunakan	245
5.3.9	Persepsi Berdasarkan Jenis Akhbar yang Selalu Dibaca	247
5.3.10	Persepsi Berdasarkan Saluran Radio Yang Selalu Didengarkan	249
5.3.11	Persepsi Berdasarkan Saluran Televisyen Yang Selalu Ditonton	251
5.4	Perbandingan Persepsi	253
5.4.1	Jantina	253
5.4.2	IPTA dan IPTS	256
5.4.3	Tahun Pengajian	258
5.4.4	Latarbelakang Pendidikan Menengah	261
5.4.5	Latarbelakang Tempat Tinggal	265
5.4.6	Bilangan Kawan Melayu	267
5.5.	Rumusan	270

<b>6</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	
6.1	Pengenalan	272
6.2	Laporan Persoalan Kajian	272
6.2.1	Budaya Politik “Satu Cina” dan “ <i>Kiasu</i> ”	273
6.2.2	“ <i>Kiasu</i> ” Dalam Budaya Politik Perkauman Cina	281
6.3	Perbincangan Tahap Persepsi Terhadap P-E-R-S-E-P-S-I	284
6.3.1	P = Politik	284
6.3.2	E = Ekonomi	291
6.3.3	R = Rasuah	303
6.3.4	S = Sosial	307
6.3.5	E = Etnisiti	315
6.3.6	P = Pendidikan	324
6.3.7	S = Kontrak Sosial	330
6.3.8	I = Islam	337
6.4	Orang Cina Bersatu dan <i>Kiasu</i>	342
6.5	Rumusan	356
<b>7</b>	<b>IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
7.1	Pengenalan	357
7.2	Rumusan	357
7.3	Implikasi Kajian Ke Atas Teori Sosialisasi Politik	361
7.4	Implikasi Praktik Berdasarkan Melalui P-E-R-S-E-P-S-I	363
7.4.1	P = Politik	364
7.4.2	E = Ekonomi	368
7.4.3	R = Rasuah	373
7.4.4	S = Sosial	374
7.4.5	E = Etnisiti	377
7.4.6	P = Pendidikan	385
7.4.7	S = Kontrak Sosial	390
7.4.8	I = Islam	391
7.5	Kesimpulan	393
7.6	Cadangan Teori dan Kajian Akan Datang Politik Silang Budaya	401
7.7	Penutup	404
<b>RUJUKAN</b>		406
<b>LAMPIRAN 1</b>		427
<b>LAMPIRAN 2</b>		433
<b>BIODATA PELAJAR</b>		436

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
4.1 Sampel Berasaskan <i>G*Power</i>	190
4.2 Saiz Sampel Berasaskan <i>G*Power(ANOVA)</i>	191
4.3 Interpretasi Skor Min Bagi Melaporkan Dapatan Statistik Deskriptif	196
4.4 Interpretasi Skor Min Bagi Melaporkan Dapatan Statistik Deskriptif Kajian Ini	197
4.5 Nilai Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach IKEM-MEQI</i>	199
5.1 Responden Berdasarkan Latarbelakang Peribadi	212
5.2 Responden Berdasarkan Jenis Sekolah dan Tahun Pengajian	214
5.3 Responden Berdasarkan Latar Belakang Persekutaran	216
5.4 Profil Responden Kajian Berdasarkan Bahasa Harian dan Bahasa Media Yang Disukai	219
5.5 Interpretasi Skor Min Dapatan Statistik Deskriptif Kajian Ini	222
5.6 Persepsi Pelajar Cina Terhadap P-E-R-S-E-P-S-I Gerakan Politik UMNO	223
5.7 Persepsi Politik (P)	224
5.8 Persepsi Ekonomi (E)	225
5.9 Persepsi Rasuah (R)	226
5.10 Persepsi Sosial (S)	227
5.11 Persepsi Etnisiti (E)	228
5.12 Persepsi Pendidikan (P)	229
5.13 Persepsi Kontrak Sosial (S)	230
5.14 Persepsi Islam (I)	231
5.15 Persepsi Berdasarkan Agama	233

5.16	Persepsi Berdasarkan Status Perkahwinan	234
5.17	Persepsi Berdasarkan Latarbelakang Pendidikan Rendah	236
5.18	Persepsi Berdasarkan Persatuan (NGO) Cina Yang Disertai	238
5.19	Persepsi Berdasarkan Parti Politik Yang Disertai	241
5.20	Persepsi Berdasarkan Generasi	244
5.21	Persepsi Berdasarkan Bahasa Harian Yang Selalu Digunakan	246
5.22	Persepsi Berdasarkan Jenis Akhbar Yang Selalu Dibaca	248
5.23	Persepsi Berdasarkan Saluran Radio Yang Selalu Didengarkan	250
5.24	Persepsi Berdasarkan Saluran Televisyen Yang Selalu Ditonton	252
5.25	Ujian Kesamaan Varians antara Kumpulan Belia Lelaki dan Belia Perempuan	254
5.26	Perbezaan Persepsi Berdasarkan Jantina	255
5.27	Ujian Kesamaan Varians Antara Kumpulan Belia IPTA dan IPTS	257
5.28	Perbezaan Persepsi Berdasarkan IPT	258
5.29	Min dan Sisihan Piawai Bagi Belia Tahun Satu, Dua dan Tiga	259
5.30	Ujian Kesamaan Varians ( <i>Test of Homogeneity of Variances</i> )	260
5.31	ANOVA Perbezaan Persepsi Berdasarkan Tahun Pengajian	261
5.32	<i>Multiple Comparisons:</i> Perbezaan Persepsi Antara Tahun Pengajian	262
5.33	Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Sekolah	263
5.34	Ujian Kesamaan Varians ( <i>Test of Homogeneity of Variances</i> )	263
5.35	ANOVA Perbezaan Persepsi Berdasarkan Latarbelakang Pendidikan Menengah	264
5.36	Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Tempat Tinggal	266
5.37	Ujian Kesamaan Varians ( <i>Test of Homogeneity of Variances</i> )	266

5.38	ANOVA Perbezaan Persepsi Berdasarkan Latarbelakang Tempat Tinggal	267
5.39	Min dan Sisihan Piawai Berasaskan Bilangan Kawan Melayu	269
5.40	Ujian Kesamaan Varians ( <i>Test of Homogeneity of Variances</i> )	269
5.41	ANOVA Perbezaan Persepsi Berdasarkan Bilangan Kawan Melayu	270
6.1	Skor Tinggi Persepsi Politik (P)	285
6.2	Skor Tinggi Persepsi Ekonomi (E)	291
6.3	Skor Rendah Persepsi Rasuah (R)	303
6.4	Skor Rendah Persepsi Sosial (S)	307
6.5	<i>Intake in the Civil Service, 1 January – 30 June 2007</i>	312
6.6	Skor Persepsi Etnisiti (E)	315
6.7	Skor Rendah Persepsi Pendidikan (P)	324
6.8	Skor Rendah Persepsi Kontrak Sosial (S)	330
6.9	Siapa Yang Boleh Dipercayai	355
7.1	Kesan Sosialisasi ke atas Persepsi Terhadap P-E-R-S-E-P-S-I dalam Gerakan Politik UMNO	359
7.2	<i>The Ranking of Ethnic Chinese Population</i>	380

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>	<b>Halaman</b>
1.1 Kesan Sosialisasi Politik	20
1.2 Kerangka Konseptual	30
2.1 Kategori Kumpulan Cina	44
3.1 Model Kitaran Sosialisasi Politik	116
3.2 Pertemuan Peranan Agen-Agen Sosialisasi Politik	117
4.1 Reka Bentuk Kajian	178
4.2 Prosedur Persampelan Mengikut Kaedah Rawak Kelompok	194
4.3 Normal <i>Q-Q Plot</i> Gerakan Politik UMNO	207
4.4 <i>Box Spot</i> Normaliti	208
7.1 Kesan Pengaruh Agen-Agen Sosialisasi Politik	362

## SENARAI GLOSARI

AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
ABN	Agenda Baru Nasional
ASLI	Asian Strategy and Leadership Institute
BA	Barisan Alternatif
BEIM	Business Ethics Institute of Malaysia
BPR	Badan Pencegah Rasuah
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
EPU	Unit Perancang Ekonomi
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)
GLC	Government Link Company
Huatuan	Persatuan-Persatuan Cina Malaysia
IIM	Institut Integriti Malaysia
INSAP	Institute of Strategic Analysis and Policy Research
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
ISA	Internal Security Act
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
kk	kurang <i>kiasu</i>
KNE	Kolej New Era
MCA	Malayan/Malaysian Chinese Association
MIC	Malayan India Congress
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
NGO	Non-Governmental Organization (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
OIC	Organization of the Islamic Conference
PAP	People's Action Party
PAS	Parti Islam SeMalaysia
P-E-R-S-E-P-S-I	<b>Politik, Ekonomi, Rasuah, Sosial, Etnisiti, Pendidikan, Kontrak Sosial, Islam</b>
PIN	Pelan Integriti Nasional
PKM	Parti Komunis Malaya
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SEDAR	Social-EconomicDevelopment and Research Institute
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMJKC	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina
sk	sederhana <i>kiasu</i>
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
uk	ultra <i>kiasu</i>
UMNO	United Malays National Organization
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTAR	Universiti Tunku Abdul Rahman
USNO	United Sabah National Organization

## GLOSARI SIMBOL

dk	darjah kebebasan (degrees of freedom)
dk1	darjah kebebasan faktor 1 (degrees of freedom for factor 1)
dk 2	darjah kekebebasan faktor 2 (degrees of freedom for factor 2)
F	Statistic following the F distribution
JKD	Jumlah Kuasa Dua (sum of squares)
MKD	Min Kuasa Dua (mean squares)
M	Min (mean)
N	Number of subject or observations
$\eta^2$	Eta-squared
SP	Sisihan Piawaian (standard deviation)
Sig	Signifikan (significance level)
Std. error	Ralat Piawai (standard error)
<i>t</i>	Ujian- <i>t</i> (t-test of significance)
>	Lebih besar (greater than)
<	Lebih kecil (less than)
=	Bersamaan dengan (equal to)



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan rasional kenapa tajuk politik silang budaya, berkaitan persepsi pelajar Cina terhadap gerakan politik *United Malays National Organization* (UMNO) dipilih sebagai teras kajian. Secara umum, perbahasan kajian politik silang budaya secara akademik tidak banyak dilakukan oleh penyelidik tempatan dan luaran, terutama melibatkan dua bangsa utama, iaitu antara Melayu dengan Cina. Kedua-dua bangsa ini mewakili kepentingan masing-masing melalui lambakan institusi perkauman yang ditubuhkan. Semua unsur perkauman ini dapat dilihat melalui latar belakang dan permasalahan kajian yang akan dijelaskan oleh pengkaji, sebagai gambaran awal untuk menelusuri senario politik perkauman yang begitu ketara. Perbincangan seterusnya akan diikuti dengan persoalan kajian, objektif kajian, penjelasan konsep, organisasi kajian, batasan kajian, kerangka konseptual dan signifikasi kajian. Melalui paparan ini, pengkaji berharap ia dapat memberikan gambaran awal akan masalah perkauman yang telah lama mendominasi dan membelenggu politik perkauman yang tidak berkesudahan, ibarat duri dalam daging.

#### **1.2. Latar Belakang**

Sejarah membuktikan bahawa masalah hubungan kaum antara Melayu-Cina bermula setelah kemasukan beramai-ramai orang Cina pada pertengahan kedua kurun ke-19. Menurut Comber (2007: 9), pandangan hidup yang berbeza adalah masalah utama merenggangkan

hubungan mereka begitu jauh sekali, selain perbezaan adat resam, budaya, bahasa dan agama. Orang Cina memandang tinggi kepada kaum mereka dan menumpukan perhatian terhadap diri mereka sendiri. Sebaliknya pula struktur sosial dan agama orang Melayu dikatakan tidak memungkinkan mereka bersatu dan bersemenda dengan orang Cina, kecuali orang Arab dan India Muslim.

Perkahwinan campur jarang sekali berlaku di kalangan mereka kerana pasangan bukan Melayu dikehendaki memeluk agama Islam. Jika ini berlaku, mungkin hal ini dapat membantu memecahkan tembok pemisahan kaum. Orang Melayu mempunyai persepsi, mengahwini orang Cina adalah seperti “makan gulai tanpa sambal”. Sambal adalah merupakan ramuan yang amat sedap dimakan dan baunya yang menusuk hidung itu apabila dimakan dengan gulai, menjadikannya lebih lazat lagi. Menurut Comber (2007) lagi, “dasar pecah dan perintah”<sup>1</sup> bukanlah punca kepada masalah perkauman kerana hal ini telah berlaku sebelum kedatangan Inggeris.

Kumpulan-kumpulan kaum berlainan ini, lebih suka hidup di kawasan mereka sendiri kerana lebih mudah untuk berinteraksi. Mereka juga tidak akan menghadapi masalah bahasa, makanan, adat resam dan agama. Ini menjadikan kehidupan antara kaum menjadi semakin terasing<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Dalam bahasa Inggeris ia dikenali sebagai *divide and rule*. Penjajah telah membawa masuk tenaga buruh daripada negara China dan India untuk kepentingan ekonomi mereka dalam sektor perlombongan, perdagangan dan perladangan. Dasar ekonomi dan politik yang diamalkan oleh penjajah British menyebabkan pembangunan tidak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar dan selanjutnya terdapat jurang perbezaan ekonomi antara kelompok etnik (Shamsul Amri, 2007: 55). Penjajah telah mengasingkan kaum Melayu, Cina dan India, mengikut penempatan tempat tinggal, pekerjaan dan sistem pendidikan. Akibatnya ketiga-tiga kaum hidup terpisah-pisah. Tidak banyak interaksi berlaku sehingga negara mencapai kemerdekaan melalui persetujuan bersama yang dikenali sebagai kontrak sosial. Walaupun Comber (2007: 7) memberikan pandangan yang berlainan yakni dasar ‘pecah dan perintah’ sebenarnya telah berlaku sebelum kedatangan Inggeris lagi. Tetapi menurut pengkaji, kedatangan Inggeris telah merancakkan lagi proses ‘pecah dan perintah’ ini demi menjaga kepentingan mereka

<sup>2</sup> Hubungan antara kedua kaum ini menjadi semakin buruk lagi ketika Pendudukan Jepun (1942-1945). Persepsi buruk dan perasaan benci antara Melayu-Cina semakin memuncak. Jepun sengaja melaga-lagakan kedua kaum ini untuk melepaskan dendam kesumat mereka terhadap orang Cina hasil Sejarah Perang China-

Jurang pengasingan kaum seterusnya juga dapat dilihat dalam bidang politik, ekonomi (pekerjaan), pelajaran (bahasa dan institusi pendidikan), penempatan tempat tinggal, sosial, pemilikan tanah (rezab Melayu) dan banyak lagi. Semua ini mempunyai kaitan secara langsung dengan hak-hak istimewa orang Melayu yang telah diwujudkan oleh pihak Inggeris, atas desakan-desakan daripada orang Melayu sendiri<sup>3</sup>. Penajah Inggeris lebih

---

Jepun 1937. Orang Cina menerima akibat yang paling buruk. Selain daripada membunuh dan menganiaya mereka, Jepun menggunakan orang Melayu untuk menentang orang Cina. Jurang pemisahan kedua kaum ini semakin melebar dan politik perkauman semakin menjadi-jadi. Setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, British kembali semula berkuasa di Tanah Melayu. Namun, hubungan Melayu-Cina masih tidak menampakkan perubahan. Persepsi negatif dan syak wasangka masih berlaku antara dua kaum utama ini. Keadaan menjadi semakin buruk apabila British cuba memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946. Malayan Union mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu sehingga membawa tertubuhnya UMNO pada Mac 1946. Malayan Union sebenarnya merugikan orang Melayu dan lebih menguntungkan bukan Melayu (Cina). Dengan sebab itu, orang Cina berdiam diri sahaja apabila Malayan Union diperkenalkan. Perbincangan lebih lanjut dalam Bab 2. Tentangan hebat orang Melayu telah memaksa British memansuhkan Perlombagaan Malayan Union dan menggantikannya dengan Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948. Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu adalah merupakan kemenangan perjuangan orang Melayu, tetapi tidak pada orang Cina. Perlombagaan ini juga merupakan asas kepada Perlombagaan Negara pada masa kini. Kemenangan orang Melayu memperjuangkan perlombagaan ini pula menimbulkan keimbangan, prejedis dan persepsi tidak baik di kalangan orang Cina pula. Dalam barisan depan politik, pemimpin-pemimpin Cina jelas menunjukkan bahawa mereka menentang kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan hak kerakyatan yang terhad yang diberikan kepada orang-orang Cina mengikut Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu. Mereka berasa gementar sekiranya Inggeris merancang terus memberikan Tanah Melayu berkerajaan sendiri, orang Melayu akan berkuasa penuh dari segi politik, manakala kedudukan ekonomi orang Cina akan terancam (Comber, 2007: 75). Pertikaian antara kedua kaum berlaku dalam semua aspek yang akan dibincangkan dalam Bab 2 dan Bab 3. Akibatnya, orang Cina yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock telah melancarkan *hartal* dan menggugut untuk keluar daripada berbagai-bagi Majlis, sehingga membawa kepada penubuhan AMCJA (All-Malay Council of Joint Action). Penubuhan AMCJA sebenarnya memperlihatkan penentangan orang-orang Cina terhadap semangat kebangsaan Melayu. Malangnya, pertubuhan ini tidak dapat bertahan lama kerana tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu terutamanya UMNO (Comber, 2007: 64)

<sup>3</sup> Di pihak Inggeris pula, mereka lebih menyokong orang-orang Melayu daripada menyokong orang-orang Cina. Orang-orang Inggeris amat tertarik dengan hati dengan budi pekerti dan lemah-lembut orang-orang Melayu, berbanding dengan sikap kasar buruh-buruh Cina yang mendatang. Ada kalanya orang-orang Inggeris tersalah tafsiran bahawa lemah-lembut dan tidak rendah diri orang Melayu itu bukanlah bermakna kelemahan atau kekurangan mereka terutama dalam mengeluarkan pendapat. Selain itu, rumah orang-orang Melayu sentiasa terbuka dan mereka amat mesra kepada tetamu. Orang Melayu tidak suka menghina orang-orang asing, sekurang-kurangnya tidak angkuh seperti orang-orang Cina. Orang-orang Barat diberi nama jolokan “Mat Salleh” oleh orang-orang Melayu semasa mereka bercakap semasa sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa mereka adalah lebih mesra kepada orang-orang Barat daripada kata yang menyayat hari seperti *ang mow* (Hokkien) atau *hung mo kwai* (Kantonis) yang bermaksud “syaitan berambut merah” (Comber, 2007: 18-19). Masalah bahasa dan pendidikan adalah antara isu yang menimbulkan persepsi tidak menyenangkan sejak dahulu sehingga ke hari ini. Apabila kembali semula ke Tanah Melayu mengalahkan Jepun pada tahun 1945, sistem pendidikan yang bersifat perkauman cuba disusun semula antara orang Melayu, Cina dan India. Namun, ia bukanlah suatu yang mudah disebabkan oleh asas perkauman yang telah lama berakar umbi. Sistem pendidikan cuba disatukan di bawah Jawatankuasa Barnes untuk mengkaji sistem pendidikan Melayu. Jawatankuasa ini mengesyorkan supaya kanak-kanak daripada semua kaum mestil mengikuti hanya satu sekolah yakni sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan ketika itu dikehendaki menggunakan dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris, dengan sukatan yang lebih mirip kepada keadaan setempat. Sementara satu lagi jawatankuasa turut ditubuhkan diketuai oleh W.P. Fenn dan Wu Teh-Yao bagi mengkaji sistem pendidikan Cina yang dikenali sebagai Jawatankuasa Fenn-Wu. Syor Jawatankuasa Fenn-Wu ternyata amat berbeza dengan Jawatankuasa Fenn-Wu. Jawatankuasa Fenn-Wu mahukan sistem pendidikan Cina terus dikekalkan beroperasi berdasarkan bahasa Cina sepenuhnya. Perkara ini dibahaskan dengan panjang lebar dalam Bab 3.